

Enam program MoU UniSZA-NEC Corporation

Kuala Lumpur: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan bekerjasama dengan NEC Corporation untuk memohon geran penyelidikan dan inovasi daripada kerajaan Jepun.

Perkara itu adalah antara enam program dirancang untuk tempoh tiga tahun jalinan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara UniSZA dan firma Jepun berkenaan di sini, baru-baru ini.

Program lain dirancang termasuk pelantikan penasihat industri dari NEC Corporation di Fakulti Informatik dan Komputeran UniSZA, dua projek membangunkan aplikasi untuk persekitaran

pengkomputeran awan, serta peluang kakitangan akademik dan pelajar universiti itu menjalani latihan industri di NEC Corporation.

Bangunkan kurikulum akademik

Di samping itu, kurikulum yang bersesuaian akan dibangunkan sebagai nilai tambah kepada program akademik ditawarkan di Fakulti Informatik dan Komputeran UniSZA.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Yahaya Ibrahim, sementara NEC Corporation diwakili Pengarah Bahagian Peruncitan, Yoshimura Akira.



Yahaya
(kanan) dan Yoshimura bertukaran dokumen selepas memeterai MoU, baru-baru ini.

Berita Harian 9/1/2014